



Hormati kehidupan - hidup dengan baik

RCCA Hibbie Tan
(Usahawan Kecantikan)

Pepatah ada mengatakan bahawa “hidup perlu diraikan”. Ini bermaksud bahawa kita memerlukan upacara atau perayaan untuk memecahkan kebosanan hidup. Jika tidak, hidup akan menjadi suram dan muram, tanpa impian dan cita-cita. Kehidupan RCCA Hibbie Tan adalah bukti pepatah ini. “Hidup ini bak hadiah, jadi kita mesti menghargai hadiah berharga ini dengan mengharunginya dengan baik. Apabila anda menjalani kehidupan, ini menunjukkan anda menghormati kehidupan, dan anda akan berusaha menjadi lebih baik, berusaha untuk memperbaiki dan meningkatkan diri anda,” katanya.

Pencari peluang

Hibbie menganggap dirinya seorang yang artistik dan berpandangan unik dalam perkara-perkara yang cantik dan bergaya. Beliau menikmati perkara yang baik dalam kehidupan, dan suka melancong dan mengalami pemandangan dan bunyi-bunyian baharu. Malangnya, pilihan kerjayanya tidak dapat menyokong taraf hidup yang diinginkannya.

Selama 12 tahun, beliau terus mencabar dirinya untuk maju, sering menukar pekerjaan untuk memperoleh kemahiran dan pengalaman baharu.” Ini adalah kerana saya percaya bahawa suatu hari nanti, semua kemahiran yang saya perolehi akan menjadi berguna apabila berdepan dengan peluang yang tepat.”





Ketika peluang untuk memiliki bersama sebuah salon manikur, Hibbie menganggap itu sebagai peluang besarnya tetapi menjadi bos bukanlah seperti yang beliau fikirkan. Seterusnya, beliau menjadi seorang pengengaruh, dengan lebih 40,000 pengikut Instagram. “Tetapi secara terus-terang, melainkan jika anda memang seorang yang berpengaruh dan produk yang anda kongsi amat hebat, pendapatan anda tidaklah terlalu lumayan,” katanya.

Akhirnya, peluang itu muncul



Ketika beliau diperkenalkan kepada BE, beliau ketahu bahawa ‘ inilah dia’. “Inilah perniagaan yang saya impikan. Saya dapat melancong, melihat dan mengalami perkara baharu. Saya juga dapat memberikan kehidupan yang selesa untuk ibu saya. Semua sudah tersedia untuk saya dan saya hanya perlu melakukan satu perkara - duplikasi. Memang betul kata warga BE - di BE, kita ‘minum kopi, bercerita dan menjana wang.’”

Menjadi orang baharu dalam industri MLM, Hibbie tidak dapat meluahkan perasaan sebenarnya terhadap perniagaan BE. “Anda harus berada dalam perniagaan untuk mengetahui perasaannya. Apabila anda memajukan diri ketika memajukan dan membantu orang lain, barulah anda dapat alami kegembiraan yang saya rasai,” beliau berkata.

Beliau masih teringat kegembiraan yang dirasai ketika ayah rakannya, yang tidak dapat berjalan tanpa bantuan, mampu bergerak semula setelah memakai Seluar Aulora yang dikongsi kepada mereka. “Rasa kegembiraan, kepuasan dan pencapaian itu tidak terperi. Itulah sebabnya saya terus menjalankan perniagaan BE.”



Adakah anda hidup atau sekadar meneruskan kehidupan?

“Tanyakan diri satu soalan mudah: Adakah anda tahu keinginan anda sendiri atau adakah anda berasa sesat dalam hidup? Anda tidak seharusnya berasa sesat jika anda ‘berfikir’ bahawa anda berada di landasan kerjaya yang betul dan menuju ke arah yang betul.

“Masa tidak menunggu sesiapa. Sekiranya anda tidak menjalani kehidupan tetapi hanya meneruskan kehidupan semata-mata, sudah tiba masanya untuk berubah.

“Anda hanya hidup sekali, tetapi jika anda melakukannya dengan betul, sudah cukup sekali,” simpul Hibbie.

